

23/03/2005

Dr Mahathir galak rakyat kuasai pelbagai bahasa

KUALA LUMPUR: Mempelajari dan menggunakan bahasa Inggeris tidak bermakna seseorang itu hilang identiti bangsa dan kaumnya, kata bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, penggunaan bahasa Inggeris adalah antara cara untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dan mengeratkan hubungan dengan bangsa lain di dunia kerana ia bahasa global.

"Kita harus bersedia dan tidak teragak-agak mempelajari apa saja bahasa, termasuk bahasa Inggeris dan bahasa Cina dalam usaha mendapatkan ilmu pengetahuan.

"Jika kita perlu menggunakan bahasa ibunda, kita gunakan tetapi jika kita perlu menggunakan bahasa lain untuk mendapatkan ilmu, kita terpaksa mempelajarinya," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Kempen Pembelajaran Abakus (Sempoa) dan Arithmetik Mental di sini, semalam.

Beliau berkata, rakyat negara ini seharusnya bersedia untuk mempelajari pelbagai perkara dari China, termasuk bahasanya untuk mendapatkan ilmu pengetahuan kerana negara itu bakal menjadi kuasa besar dunia.

"Kita perlu mengetahui dan mempelajari banyak perkara daripada negara itu termasuk penggunaan abakus. Merekalah mencipta kalkulator pertama di dunia iaitu abakus yang sehingga kini masih digunakan," katanya.

Beliau berkata, abakus dan arithmetik mental sesuai digunakan pelajar negara ini dalam melatih kemahiran berfikir dengan pantas serta kecekapan mengira.

"Sebab itulah saya membuat inisiatif mewujudkan program abakus pada semua sekolah rendah di negara ini kerana melihat kepentingannya," katanya.

Beliau turut berharap kempen yang diadakan itu meningkatkan lagi kesedaran dan menarik orang ramai mempelajarinya.

(END) Source : Berita Harian